

[Setempat](#) [Dunia](#) [Ekoniaga](#) [Sukan](#) [Berita Terkini](#) [Gah!](#) [Hidayah](#) [Soshiok Halal](#) [Bahasa & Budaya](#) [Kembara](#) [Lain ▾](#)

Program keagamaan Jamiyah sepanjang Ramadan

Jun 06, 2016 | 05:30 AM

NURMAYA ALIAS



0

[Kongsi](#)

NUCAPAN TAHNIAH: Cik Rahayu Mahzam (tiga dari kiri) berbicara dengan antara pelajar terbaik pengajian Islam di majlis Haflah Madrasah sempena pelancaran Program Keagamaan Jamiyah, Ramadhan D'Hati. Bersamanya ialah Presiden Jamiyah, Dr Hasbi Abu Bakar (dikiri). Para pelajar ini ialah (mulai dua dari kiri) Muhammad Raziq Mohd Noor; Nur Insyirah Imam Mujtahid, Nur Sabrina Abu Bakar dan Abdul Rahman Azhar. - Foto TAUFIK A. KADER

PUSAT Pendidikan Jamiyah (JEC) telah melancarkan program keagamaan khas, Ramadhan D'Hati, yang dianjurkan dengan ikhlas secara percuma sebagai satu lagi khidmat demi menyumbang kepada pembinaan masyarakat Islam yang jitu, berilmu dan berakhhlak mulia sepanjang Ramadan ini.

Antara program menarik ialah program mingguan khusus buat wanita yang disampaikan seorang ustazah dari Malaysia, Ustazah Norhafizah Musa, yang akan memberikan penerangan mengenai pelbagai isu.

Ada juga sesi percubaan mempelajari Al-Quran dalam masa 48 jam, program asas agama intensif untuk kanak-kanak selama lima hari serta bengkel surah Al-Fatihah Qiraat 10.

Selain itu, lawatan ke rumah tumpangan orang-orang tua Darul Takrim turut dianjurkan.

Program-program tersebut telah dilancarkan oleh Anggota Parlimen Jurong GRC, Cik Rahayu Mahzam, di majlis pelancaran Ramadhan D'Hati berserta Majlis Haflah Madrasah di ibu pejabat Jamiyah Singapura pada Sabtu lalu.

"Buat julung-julung kalinya, Pusat Pendidikan Jamiyah mengadakan pelbagai program secara percuma untuk masyarakat awam buat semua peringkat usia sepanjang Ramadan," ujar Naib President II Jamiyah Singapura, Encik Mohd Yunos Mohd Shariff.

Cik Rahayu menyampaikan ucapan syabas kepada pihak Pusat Pendidikan Jamiyah di atas inisiatif dan usaha menganjurkan program keagamaan itu.

"Semoga lebih ramai lagi di kalangan masyarakat kita akan mengambil peluang untuk meningkatkan ilmu agama mereka melalui program-program yang telah disediakan.

"Oleh kerana Ramadan tahun ini berlaku pada musim cuti sekolah, jadi kami anjurkan kepada para ibu bapa untuk mengambil peluang masa yang terluang bagi mendekatkan anak-anak mereka dengan pendidikan keagamaan supaya rohani, shasiah dan keimanan anak mereka akan dapat diperkuuhkan lagi melalui program-program JEC," kata Cik Rahayu dalam ucapannya.

Sempena Majlis Haflah Madrasah, seramai 134 penuntut telah menerima hadiah masing-masing dan sijil di atas pencapaian mereka dalam pelajaran pengajian Islam pada tahun lalu.

Seramai 30 penuntut terbaik menerima sijil serta cenderahati sebagai pengiktirafan akan kejayaan mereka dalam peperiksaan akhir tahun. Seramai 63 penuntut pula menerima sijil pengajian Islam.

PROGRAM RAMADHAN D'HATI

Bicara Ramadan bersama Ustazah Norhafizah Musa

11 Jun hingga 2 Julai, 10 pagi hingga 1 petang di Rumah Kanak-Kanak Jamiyah Darul Mawa

Program Asas Kanak-Kanak Intensif

6 hingga 10 Jun, 9 pagi hingga 5 petang di Pusat Pendidikan Jamiyah

Sesi Fiqh Ramadan

5 Jun, 10 pagi hingga 12 tengah hari di Pusat Pendidikan Jamiyah

Program Kebajikan Di Rumah Orang-Orang Tua Darul Takrim

25 Jun, 2 hingga 5 petang di Darul Takrim

Hubungi pejabat Pusat Pendidikan Jamiyah di talian 6478-0475 atau e-mel kepada jec@jamiyah.org.sg untuk sebarang pertanyaan atau pendaftaran.

<http://www.beritaharian.sg/setempat/program-keagamaan-jamiyah-sepanjang-ramadan>